

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HSB 333 Imperialisme dan Nasionalisme  
di Benua Kecil India

---

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab EMPAT (4) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. "Kegagalan kuasa Mahratta untuk mengatasi kekuatan British nampaknya berpunca daripada satu kegagalan budaya." (M. Athar Ali)

Bincangkan.

2. "Sekiranya sesuatu dasar ekonomi British adalah penting, keputusan muktamad sentiasa bercanggah dengan kepentingan India." (S. Ambirajan)

Berpandukan kepada pernyataan di atas, terangkan mengapa ekonomi India tidak berkembang secara pesat dalam tempoh 1757-1914.

3. "Sekalipun diperintahkan untuk tidak menggugat struktur asas Hinduisme, namun Kerajaan British di India telah mengingini keruntuhannya melalui penguatkuasaan satu susunan akhlak yang tulen." (T.R. Metcalf)

Telitikan kesahan pandangan di atas berhubung dengan rancangan pembaharuan sosial yang dianjurkan oleh pemerintahan British di India dalam tempoh 1828-57

4. "Sayyid Ahmad Khanlah yang telah mengambil tindakan penentu untuk menghadapi masalah kaum Muslim dari segi sosial dan pendidikan." (F. Abbott)

Bahaskan.

5. "Identiti keagamaan telah menguasai segala-galanya dan orang Punjab telah berkhayal di dalam satu dunia ciptaan mereka sendiri." (K.W. Jones)

Adakah pernyataan di atas merumuskan secara tepat punca sebenar yang mencetuskan semangat perkauman di Punjab pada abad yang ke-19?

6. "Pembangunan yang tidak selaras telah menghasilkan ketidaksamaan di antara masyarakat India. Dalam masyarakat yang begitu tidak ada satu bangsa, tidak ada sebarang bangsa langsung." (Anil Seal)

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, jelaskan halangan yang dihadapi oleh Kongres Kebangsaan India untuk menarik sokongan rakyat India sebelum tahun 1920.

7. Terangkan mengapa Gerakan Kisan tidak memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada puak nasionalis India dalam tempoh 1920-40.

8. "Tiada kesangsian bahawa dasar rasmi British adalah untuk memelihara penyatuan benua kecil India." (C.H.Philips)

Ulasakan.

-ooo000ooo-